

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 1)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Sekolah baru sahaja tamat. Zamri berjalan menuju ke stesen bas. Dia tunggu bas untuk pulang ke rumah. Apabila bas itu tiba, Zamri naik bas itu lalu cari tempat duduk yang kosong. Dia hendak duduk kerana penat.

Semasa duduk, Zamri ternampak sebuah dompet di sebelah tempat duduknya. Dia ambil dompet itu lalu membukanya. Zamri lihat ada kad pengenalan, wang dan beberapa kad lain. Seorang pemuda sedang perhatikan Zamri. Pemuda itu beralih tempat lalu duduk di sebelah Zamri.

Pemuda itu mengaku bahawa dompet itu miliknya. Zamri tahu dompet itu bukan milik lelaki itu. Rupanya tidak sama dengan gambar wanita di kad pengenalan dalam dompet itu. Zamri katakan dia hendak serahkan dompet itu kepada polis. Pemuda itu berasa malu dan takut. Dengan segera dia bangun lalu menekan loceng bas untuk turun.

**ARAHAN: Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi**

1. Bagaimakah Zamri pulang selepas waktu sekolah?

**Selepas waktu sekolah, Zamri pulang ke rumah dengan \_\_\_\_\_.**

2. Di manakah Zamri nampak dompet itu?

**Zamri nampak dompet itu di \_\_\_\_\_.**

3. Apakah yang Zamri nampak di dalam dompet itu?

**Di dalam dompet itu Zamri nampak ada \_\_\_\_\_.**

4. Siapakah yang mengaku dompet itu miliknya?

**yang \_\_\_\_\_ mengaku dompet itu miliknya.**

5. Bagaimakah Zamri tahu tuan punya dompet itu?

**Zamri tahu dompet itu bukan milik lelaki itu kerana \_\_\_\_\_.**

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 2)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Kamal sedang duduk di meja makan di rumahnya. Dia sedang membuat kerja rumah yang diberi oleh gurunya. Kamal berada seorang diri di rumah. Ibu bapanya belum pulang dari kerja. Kamal terdengar loceng pintu rumah berbunyi. Dia segera pergi untuk buka pintu.

Kamal intip di lubang pintu. Seorang pemuda yang tidak dikenali sedang berdiri di depan pintu rumahnya. Kamal ingat pesanan ibu dan ayahnya. Mereka selalu mengingatkannya agar jangan buka pintu sembarangan. Jika orang yang datang itu tidak dikenali, dia tidak boleh benarkan mereka masuk ke dalam rumah.

Kamal tidak buka pintu. Dia diamkan diri. Pintu rumahnya diketuk dengan lebih kuat lagi. Kamal berasa takut. Dia pun menelefon ibu bapanya. Bapanya suruh Jamal diamkan diri dan bertenang. Bapanya akan telefon polis dan pulang dengan segera.

**ARAHAN: Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi**

1. Di manakah Kamal berada ?

**Kamal berada di** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

2. Siapakah yang berada bersama Kamal di rumah ?

**Kamal berada** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

3. Siapakah yang ketuk pintu ?

**Pintunya diketuk oleh** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

4. Apakah yang harus Kamal lakukan jika orang yang datang itu tidak dikenali ?

**Jika orang yang datang itu tidak dikenali,** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

5. Mengapakah Kamal mula berasa takut?

**Kamal mula berasa takut kerana** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 3)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pada hari Sabtu lepas, Encik Hamzah tidak bekerja. Dia telah ambil cuti untuk berada bersama keluarganya. Pada hari itu dia bawa keluarganya pergi ke Taman Haiwan Mandai. Encik Hamzah bawa anak-anaknya ke taman haiwan itu kerana cuti sekolah telah bermula.

Wira dan adiknya, Mira, berasa seronok berada di taman haiwan itu. Di kandang gajah, Wira dan Mira kagum melihat gajah-gajah yang sungguh besar. Ayahnya beli tiket untuk Wira tunggang gajah. Ayahnya duduk di belakangnya untuk pastikan bahawa Wira tidak jatuh. Ibunya dan Mira tidak menunggang gajah. Ibunya hanya lambai-lambaikan tangan sambil petik gambar.

Mereka dapat lihat beruang kutub berenang dalam kolam dan pelbagai jenis haiwan lain.

Sampailah masanya untuk merteka pulang. Mereka berasa puas kerana dapat melihat pelbagai binatang dan pertunjukan di taman haiwan itu.

**ARAHAN:** Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi.

1. Mengapakah Encik Hamzah tidak bekerja pada hari itu?

**Encik Hamzah tidak bekerja pada hari itu kerana dia telah \_\_\_\_\_.**

2. Mengapakah Encik Hamzah ambil cuti?

**Encik Hamzah ambil untuk \_\_\_\_\_.**

3. Ke manakah Encik Hamzah bawa keluarganya?

**Encik Hamzah bawa keluarganya \_\_\_\_\_.**

4. Apakah Wira dapat lakukan dengan ayahnya?

**Wira dan ayah dapat \_\_\_\_\_.**

5. Mengapakah mereka berasa puas hati?

**Mereka berasa puas hati kerana \_\_\_\_\_.**

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 4)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Selepas sekolah, Sufi berjalan perlahan-lahan pulang. Hari itu panas terik. Dia berasa sungguh dahaga. Apabila sampai di bloknya, Sufi singgah di kedai minuman. Dia hendak beli minuman sejuk. Walaupun ada banyak lalat di keliling tangki air batu itu, Sufi tidak hiraukannya kerana terlalu dahaga. Sufi beli sepaket air oren. Dia minum air oren itu sambil berjalan pulang.

Pada malam itu sebelum tidur, Sufi sakit perut. Dia menangis kerana perutnya sangat sakit. Dia muntah-muntah dan pergi ke tandas untuk buang air besar beberapa kali. Sufi mengadu kepada ibunya.

Ibunya berasa bimbang. Ibunya bawa Sufi ke klinik yang terletak di tingkat bawah blok mereka itu untuk dirawat. Doktor dapati Sufi kena keracunan makanan akibat makan makanan kotor. Sufi telah diberi ubat untuk diambil supaya boleh pulih.

**ARAHAN:** Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi.

- 1 Dari manakah Sufi berjalan pulang?

**Sufi berjalan pulang dari \_\_\_\_\_.**

2. Bagaimanakah cuaca pada hari itu?

**Cuaca pada hari itu \_\_\_\_\_**

\_\_\_\_\_.

3. Mengapakah Sufi tidak hiraukan walaupun banyak lalat di keliling tangki air itu?

**Sufi tidak hiraukan walaupun banyak lalat di keliling tangki air itu kerana \_\_\_\_\_**

\_\_\_\_\_.

4. Apakah terjadi kepada Sufi pada malam itu?

**Pada malam itu, Sufi \_\_\_\_\_**

\_\_\_\_\_.

5. Apakah ibu Sufi lakukan ?

**Ibu Sufi \_\_\_\_\_**

\_\_\_\_\_.

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 5)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Malam itu sangat sunyi dan hujan renyai-renyai. Adam sedang berjalan pulang di laluan pejalan kaki di tepi jalan raya. Dia baru selesai mengaji Quran di blok yang terletak tiga buah blok jauh dari rumahnya. Selalunya, ramai orang dan kenderaan yang berlalu-lalang. Adam menjadi hairan. Pada malam itu, tiada seseorang dan kenderaan yang kelihatan.

Tiba-tiba, Adam terdengar suara orang memanggil-manggil namanya. Suara itu kedengaran jauh di belakang. Adam paling ke belakang untuk melihat siapa yang memanggilnya. Dia tidak nampak sesiapa pun.

Adam berasa takut lalu berlari menuju ke rumahnya. Suara yang memanggil-manggilnya masih kedengaran. Adam toleh lagi ke belakang sambil berlari. Alangkah terperanjatnya apabila nampak suatu lembaga putih terbang mengejarnya lalu tangkapnya. Adam buka matanya. Ibunya sedang mengejut Adam yang menjerit-jerit semasa tidur. Rupa-rupanya, Adam bermimpi.

**ARAHAN:** Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi.

1. Di manakah Adam sedang berjalan?

**Adam sedang berjalan** \_\_\_\_\_

---

2. Adam berjalan pulang dari mana?

**Adam berjalan pulang** \_\_\_\_\_

---

3. Mengapakah Adam menjadi hairan?

**Adam menjadi hairan kerana** \_\_\_\_\_

---

4. Apakah yang Adam dengar ?

**Adam dengar** \_\_\_\_\_

---

5. Apakah sebenarnya yang berlaku kepada Adam ?

**Sebenarnya, Adam telah** \_\_\_\_\_

---

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 6)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pada waktu rehat, Seman dan Razak bergaduh di kantin sekolah. Seorang pengawas suruh mereka berhenti bergaduh. Seman dan Razak tidak hiraukan arahan pengawas itu.

Pengawas itu pun beritahu guru disiplin, Cikgu Hamid. Cikgu Hamid segera ke kantin dan suruh mereka berhenti bergaduh. Mereka terperanjat melihat Cikgu Hamid. Cikgu Hamid sangat marah.

Seman dan Razak dibawa ke pejabat pengetua sekolah. Seman dan Razak dimarahi oleh pengetua sekolah, Encik Rahim, dan diberi amaran. Jika mereka ulangi perbuatan itu, mereka akan didenda dan beritahu ibu bapa mereka. Kedua-dua murid itu disuruh minta maaf dan berjabat tangan. Mereka berjanji tidak akan bergaduh lagi.

**ARAHAN:** Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi.

1. Di manakah Seman dan Razak bergaduh?

**Seman dan Razak bergaduh** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

2. Pada mulanya, siapakah suruh mereka berhenti  
bergaduh?

**Pada mulanya**, \_\_\_\_\_ - \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

3. Mengapakah pengawas itu beritahu Cikgu Hamid?

**Pengawas itu beritahu Cikgu Hamid kerana** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

4. Ke manakah Cikgu Hamid bawa mereka ?

**Cikgu Hamid bawa mereka** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

5. Apakah pengetua sekolah suruh mereka lakukan ?

**Pengetua sekolah suruh mereka** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 7)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Murad hendak pergi main bola dengan kawan-kawannya di padang bola. Dia berjalan di kolong sebuah blok. Seorana wanita baru keluar dari pintu lif di depannya.

Dengan sekelip mata, Murad nampak seorang pemuda muncul dan meragut beg tangan wanita itu lalu larikan diri. Wanita itu menjerit-jerit minta tolong. Dengan tidak membuang masa, Murad kejar peragut itu. Dua orang pemuda yang berada di kolong blok itu turut mengejar peragut itu.

Semasa melarikan diri, peragut itu telah tersandung akar pokok lalu jatuh tersungkur. Murad dan dua orang pemuda yang mengejarnya dapat menangkapnya. Mereka bertiga tahan peragut dan menelefon polis.

**ARAHAN:** Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi.

1. Di manakah Murad berada pada masa itu?

**Pada masa itu, Murad berada \_\_\_\_\_.**

\_\_\_\_\_.

2. Ke manakah Murad hendak pergi?

**Murad hendak pergi \_\_\_\_\_.**

\_\_\_\_\_.

3. Apakah yang Murad nampak?

**Murad nampak \_\_\_\_\_.**

\_\_\_\_\_.

4. Siapa-siapakah yang kejar peragut itu?

**Peragut itu dikejar oleh \_\_\_\_\_.**

\_\_\_\_\_.

5. Apakah terjadi kepada peragut itu semasa melarikan diri ?

**Semasa melarikan diri peragut itu \_\_\_\_\_.**

\_\_\_\_\_.

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 8)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Encik Malik tidak bekerja pada tiap-tiap hari Ahad. Pada hari Ahad yang lepas, Encik Malik telah bawa keluarganya berkelah di Pantai East Coast. Isterinya, Cik Liza, sediakan juadah seperti mi goreng, ayam goreng sandwich dan epok-epok serta beberapa minuman botol dan tin. Anak-anaknya, Putra dan Yati sangat gembira.

Apabila mereka tiba di pantai itu, mereka dapati ada sebuah meja kayu di bawah sebatang pokok yang rendang. Mereka letakkan bekalan yang dibawa di atas meja itu.

Air laut kelihatan bersih dan tenang. Putra dan Yati tidak sabar untuk mandi laut. Putra dibenarkan berenang dalam air paras dadanya tetapi Yati bermain air di air cetek sahaja. Encik Malik memerhatikan mereka dari pantai. Selepas mandi, mereka sekeluarga duduk makan juadah yang dibawa.

Pada pukul 5.00 petang mereka pun pulang. Putra dan Yati berasa seronok berkelah bersama keluarga mereka.

**ARAHAN: Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi**

1. Bilakah Encik Malik bawa keluarga berkelah?

**Encik Malik bawa keluarga berkelah** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

2. Di manakah mereka berkelah?

**Mereka berkelah di** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

3. Apakah Cik Liza lakukan sebelum mereka pergi?

**Sebelum mereka pergi Cik Liza telah** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

4. Di manakah mereka duduk ?

**Mereka duduk di** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

5. Apakah Encik Malik lakukan semasa anak-anaknya berada di dalam air?

**Semasa anak-anaknya berada di dalam air,** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 9)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Razif gemar berbasikal. Basikalnya itu adalah hadiah hari jadinya yang ketujuh daripada ayahnya. Ayahnya tahu Razif gemar berbasikal. Ayahnya benarkan Razif berbasikal hanya pada petang hari Sabtu sahaja. Pada hari-hari lain Razif mesti belajar dan buat kerja sekolahnya.

Razif juga ada kelas tuisyen dua hari seminggu dan mengaji Quran pada hari Selasa dan Khamis. Pada pagi hari Ahad, Razif ada kelas agama di Masjid Al-Azhar.

Sejak mendapat basikal itu, Razif menjaganya dengan baik. Razif selalu berbasikal dengan kawan baiknya, Toni. Mereka berbasikal di laluan khas untuk berbasikal di sebuah taman. Taman yang berdekatan dengan rumah mereka itu ramai orang pada waktu petang. Mereka berbasikal dengan cermat dan menjaga keselamatan mereka.

**ARAHAN:** Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi.

1. Apakah kegemaran Razif?

**Kegemaran Razif ialah** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

2. Dari manakah Razif dapat basikal itu?

**Basikal itu adalah** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

3. Bilakah masanya Razif boleh berbasikal?

**Razif boleh berbasikal** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

4. Dengan slapakah yang Razif akan berbasikal?

**Razif akan berbasikal dengan** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

5. Bagaimanakah Razif dan Toni berbasikal di taman itu?

**Razif dan Toni berbasikal** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ di taman itu.

**KEFAHAMAN 2 : SUBJEKTIF****KEFAHAMAN SUBJEKTIF (Latihan 10)**

**ARAHAN:** Baca petikan yang diberi di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Setiap hari Munir bersekolah, dia akan bangun pada pukul 5.30 pagi. Dia akan bersihkan dirinya dan salin pada uniform sekolahnya. Munir pastikan buku-buku dan perkakas sekolahnya sudah berada di dalam beg sekolahnya.

Munir akan bersarapan bersama ibunya. Ayah Munir yang bekerja malam tiap-tiap hari, akan pulang pada pukul 8.00 pagi. Selepas bersarapan dua keping roti disapu mentega dan segelas susu atau Milo, Munir akan tunggu ibunya temannya ke stesen bas. Stesen bas itu betul-betul di depan bloknya.

Mereka akan tunggu bas sekolahnya yang akan tiba pada pukul 6.30 pagi. Munir suka naik bas sekolah itu. Dia dapat berjumpa dengan kawan-kawannya yang lain. Mereka akan berbual dan berbincang tentang kerja sekolah.

**ARAHAN: Lengkapkan jawapan ringkas yang diberi.**

1. Pada pukul berapakah Munir bangun pada hari-hari dia bersekolah?

**Pada hari-hari dia bersekolah, Munir bangun \_\_\_\_\_.**

---

2. Apakah Munir lakukan sesudah bangun?

**Sesudah bangun, Munir \_\_\_\_\_.**

---

3. Apakah Munir lakukan selepas bersarapan?

**Selepas bersarapan Munir \_\_\_\_\_.**

---

4. Apakah sarapan Munir?

**Munir bersarapan \_\_\_\_\_.**

---

5. Bagaimana Munir pergi ke sekolah?

**Munir pergi ke sekolah \_\_\_\_\_.**

---